

03 AUG 2003

PERDANA MENTERI TUNGGANG KUDA DI PORT DICKSON

PORT DICKSON, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil kesempatan masa yang terluang pada pagi Ahad ini menunggang kuda di pantai popular Port Dickson.

Perdana Menteri dilihat menunggang kuda sejauh kira-kira 3 kilometer di sekitar kawasan Hotel Guoman di sini selama satu setengah jam bermula pukul 7 pagi.

Beliau ditemani Menteri Kewangan Kedua Datuk Jamaludin Jarjis serta dua pemimpin korporat terkemuka Tan Sri Azman Hashim dan Tan Sri Vincent Tan.

Dr Mahathir berada di sini untuk menghadiri Hari Keluarga, Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri.

Selesai menunggang kuda, beliau bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menyertai acara taichi dan senamrobik.

Dr Mahathir dan isteri tiba di sini petang semalam dan pada sebelah malamnya menghadiri jamuan sempena Hari Keluarga itu.

Hari Keluarga itu disertai lebih 500 orang anggota Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri serta keluarga masing-masing.

-- BERNAMA

RP APG RON